

26 JUN 1999

Shahnon-Buku

BUKU LEBIH DAHSYAT DARI SHIT AKAN MUNCUL, KATA SHAHNON

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Belumpun reda kontroversi bukunya "Shit", novelis Datuk Shahnon Ahmad kini sedang menulis sebuah lagi buku yang menurutnya "lebih dahsyat" daripada "Shit".

Katanya, buku terbarunya kelak juga bercorak satira politik tetapi dalam bentuk cerita pendek (cerpen).

Lebih tepat, beliau menyifatkan karyanya yang diterbitkan tidak lama lagi sebagai "cerpen terpen" atau cerpen terpendek.

Ia akan mengandungi 100 cerpen terpen mengenai politik dan pemimpin politik negara, katanya kepada pemberita pada pelancaran buku kartun "Kroni Mania" oleh kartunis politik Zunar di Pusat membeli-belah Galeria di sini hari ini.

Shahnon berkata, beliau memilih konsep cerpen terpen kerana pembaca tidak akan bosan membaca cerita pendek.

Ketika diminta memberi sedikit prelu tentang buku terbarunya, beliau hanya berkata "buku itu lebih dahsyat lagi dari Shit."

Shahnon baru-baru ini dikecam hebat oleh pelbagai pihak termasuk karyawan dan juga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menggunakan banyak perkataan mencarut dan lucah dalam buku Shit.

Ditanya kenapa beliau memilih untuk menggunakan perkataan lucah dan mencarut, Shahnon berkata, "tanpa perkataan itu, buku itu tidak bermakna."

Menurutnya, beliau menulis Shit bukan kerana marah terhadap Dr Mahathir tetapi terhadap budaya dalam Umno yang tidak lagi berani menegur pemimpin mereka.

Beliau juga memberitahu, buku Shit telah mencapai jualan rasmi 130,000 yang menjadikan buku itu paling laris dalam sejarah penerbitan negara.

"Itu cuma angka rasmi, saya diberitahu jumlah yang dicetak rompak lebih tinggi dari itu. Tetapi saya tidak mendapat apa-apa keuntungan kerana yang untung adalah pencetak rompak itu," katanya.

Shahnon, yang telah meletak jawatan sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia berkuatkuasa bulan depan ekoran kontroversi dari buku itu berkata, beliau kini mempunyai lebih masa untuk menulis buku atau menjadi penceramah jemputan.

-- BERNAMA

AU AKD